

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung dengan isi kandungan risalah ini atau peruntukan Akta Wang Tak Dituntut 1965, boleh juga merujuk kepada Unit Wang Tak Dituntut di Pejabat JANM Negeri berikut:

Negeri	Cawangan
Perlis Tel: 04-976 2766 Faks: 04-976 2668 Website: https://perlis.anm.gov.my/	Kota Kinabalu Tel: 088-324 800 Faks: 088-210 828 Website: https://sabah.anm.gov.my/
Kedah Tel: 04-700 1000 Faks: 04-700 1011 / 1068 Website: https://kedah.anm.gov.my/	Labuan Tel: 087-414 172 / 413 195 / 414 255 Faks: 087-419 536 Website: https://labuan.anm.gov.my/
Pulau Pinang Tel: 04-255 5501 Faks: 04-255 5577 Website: https://penang.anm.gov.my/	Sandakan Tel: 089-668 331 Faks: 089-668 384 Website: https://sandakan.anm.gov.my/
Perak Tel: 05-246 2100 Faks: 05-241 1343 Website: https://perak.anm.gov.my/	Tawau Tel: 089-775 620 Faks: 089-773 688 Website: https://tawau.anm.gov.my/
Selangor Tel: 03-5520 5200 Faks: 03-5520 5281 Website: https://selangor.anm.gov.my/	Keningau Tel: 087-331 245 / 339 960 Faks: 087-330 449 Website: https://keningau.anm.gov.my/
Negeri Sembilan Tel: 06-768 6800 Faks: 06-761 9027 / 762 2453 Website: https://negerisembilan.anm.gov.my/	Kuching Tel: 082-524 524 Faks: 082-524 599 Website: https://sarawak.anm.gov.my/
Melaka Tel: 06-289 5000 Faks: 06-234 5201 Website: https://melaka.anm.gov.my/	Sibu Tel: 084-332 053 Faks: 084-323 824 Website: https://sibu.anm.gov.my/
Johor Tel: 07-224 9244 / 223 9318 Faks: 07-223 9322 Website: https://johor.anm.gov.my/	Sarikei Tel: 084-654 032 / 654 043 Faks: 084-652 087 / 320 535 Website: https://sarikei.anm.gov.my/
Pahang Tel: 09-591 5000 Faks: 09-516 4931 Website: https://pahang.anm.gov.my/	Sri Aman Tel: 083-321200 / 321201 / 323629 Faks: 083 - 323 151 / 320535 Website: https://sriaman.anm.gov.my/
Terengganu Tel: 09-6278200 Faks: 09-6222137 Website: https://terengganu.anm.gov.my/	Kapit Tel: 084-796 473 Faks: 084-797 620 Website: https://kapit.anm.gov.my/
Kelantan Tel: 09-746 0200 Faks: 09-747 5484 Website: https://kelantan.anm.gov.my/	Bintulu Tel: 086-312 741 Faks: 086-312 763 Website: https://bintulu.anm.gov.my/
	Limbang Tel: 085-212 355 / 212 773 Faks: 085-212 624 Website: https://limbang.anm.gov.my/
	Miri Tel: 085-442 180 Faks: 085-423 103 Website: https://miri.anm.gov.my/

MAKLUMAT UMUM TUNTUTAN WANG TAK DITUNTUT


1. Pendaftar Wang Tak Dituntut (WTD) boleh membuat bayaran balik WTD kepada empunya yang berhak sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 13, Akta WTD 1965:

Apabila Pendaftar WTD berpuas hati bahawa penuntut adalah empunya sah, Pendaftar WTD akan membayar kepada penuntut WTD dari Akaun Amanah atau Akaun Hasil (jika wang tersebut telah dipindahkan ke Akaun Hasil).

2. Semakan WTD boleh dilakukan sendiri di kaunter Pejabat Pendaftar WTD atau Pejabat Cawangan Negeri Jabatan Akauntan Negara Malaysia, ataupun dengan membuat semakan pada Warta Kerajaan yang disimpan di Perpustakaan Negeri Malaysia

3. Pendaftar WTD tidak pernah melantik mana-mana individu/firma/syarikat sebagai orang tengah atau ejen untuk urusan tuntutan WTD.

Serahan WTD dan Tuntutan Bayaran Balik WTD boleh dilakukan di Pejabat Pendaftar seperti berikut:



Pendaftar Wang Tak Dituntut
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut
Aras 1, Blok Utara, Perbendaharaan 2
Kompleks Kementerian Kewangan
No.7, Persiaran Perdana, Presint 2
62594 PUTRAJAYA



Selamat Sejahtera,
Bahagian Wang Tak Dituntut.
Boleh saya bantu?

Tel: 03-80008600/
8700/ 8702/ 8703/
8704/ 8705

Laman web: <https://www.anm.gov.my>



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA PENDAFTAR WANG TAK DITUNTUT

AKTA WANG TAK DITUNTUT (WTD) 1965



PENDAHULUAN

Menteri Kewangan telah melantik Akauntan Negara Malaysia sebagai Pendaftar WTD sejak 1 Jun 1975. Peranan utama Pendaftar adalah seperti berikut:

- 01 Menjalankan pemeriksaan ke atas rekod-rekod syarikat/firma.
- 02 Menguruskan serahan WTD yang dibuat oleh syarikat/firma
- 03 Menguruskan bayaran balik WTD kepada empunya yang berhak
- 04 Melaksanakan penguatkuasaan Akta WTD 1965
- 05 Menguruskan Sekuriti Tak Dituntut yang diserahkan ke atas nama Akauntan Negara Malaysia dan Menteri Kewangan

Pihak-pihak yang tertakluk kepada Seksyen 8, Akta WTD 1965 ialah:

- Syarikat yang ditubuhkan di bawah peruntukan Akta Syarikat 2016, termasuk syarikat asing yang ditetapkan di bawah Penggal 1 Bahagian 5 Akta tersebut.
- Lembaga yang ditubuhkan untuk menguruskan kumpulan wang berkaitan dengan faedah-faedah persaraan.
- Pertubuhan dan koperasi yang didaftarkan.
- Perbadanan, pihak berkuasa awam dan kesatuan sekerja.
- Firma iaitu pihak-pihak yang bersatu bagi menjalankan perniagaan.

PERIHAL WANG TAK DITUNTUT (WTD)

Menurut Seksyen 8 Akta WTD 1965, WTD terbahagi kepada 3 kategori iaitu:

1. Wang yang perlu dibayar di sisi undang-undang kepada empunya tetapi tidak dibayar dalam satu tempoh masa tidak kurang dari (2) dua tahun.

Pihak Terlibat	Contoh
Pekerja	Gaji, upahan, bonus, komisen dan wang lain yang kena dibayar kepada kakitangan
Pemegang Saham	Dividen
Pemegang Saham / Pekerja	Keuntungan yang diisytiharkan untuk dibahagikan
Pemegang Polisi / Waris	Tuntutan insurans yang telah diluluskan untuk bayaran
Pembeli / Penerima Draf Bank	Draf bank, <i>cashier's order</i> dan dokumen lain yang mempunyai fungsi serupa di mana tempoh sah lakunya telah luput
Pendeposit ST	Simpanan tetap (tanpa arahan pembaharuan automatik) yang telah matang
Pencagar / Pendeposit	Cagaran dan deposit apabila tujuan wang itu dikutip telah tercapai
Pemutang / Penghutang Pelbagai Berbaki Kredit	Pemutang pelbagai atau penghutang pelbagai berbaki kredit

2. Wang dalam kredit sesuatu akaun yang telah tidak dikendalikan oleh empunya dengan apa cara sekalipun dalam satu tempoh tidak kurang dari (7) tujuh tahun.

- Akaun Simpanan
- Akaun Semasa
- Simpanan Tetap (yang mempunyai arahan pembaharuan automatik)

3. Wang dalam kredit sesuatu akaun dagangan yang telah tidak dikendalikan melalui apa-apa urusanniaga dalam satu tempoh masa tidak kurang dari (2) dua tahun.

- Akaun Pemiutang Dagangan
- Akaun Penghutang Dagangan Berbaki Kredit

KEWAJIPAN SYARIKAT ATAU FIRMA

Syarikat atau firma yang mempunyai WTD hendaklah menyerahkan WTD tersebut kepada Pendaftar selewat-lewatnya pada 31 Mac setiap tahun bersama dokumen-dokumen berikut:

Bil	Borang yang diperlukan	Alamat	Tujuan
1	i. 3 Salinan asal borang UMA-3 ii. Salinan asal dan salinan kedua borang UMA-4 iii. Cek atas nama Akauntan Negara Malaysia iv. Data WTD dalam bentuk softcopy (bagi empunya WTD yang melebihi 10 rekod)	Jabatan Akauntan Negara Malaysia Aras 1, Blok Utara, Perbendaharaan 2 Kompleks Kementerian Kewangan No.7, Persiaran Perdana, Presint 2 62594 PUTRAJAYA	Serahan Wang Tak Dituntut (WTD)
2	i. 1 Salinan borang UMA-3 ii. 1 salinan borang UMA-4	Tidak berkenaan	Simpanan & rujukan bagi membuat pengesahan apabila tuntutan dibuat oleh empunya WTD

HUKUMAN KETIDAKPATUHAN AKTA WTD

Seksyen AWTD 1965	Kesalahan	Hukuman
S10(1)	Gagal selenggara Daftar UMA-3	Denda tidak lebih RM20,000.00 dan tambahan tidak lebih RM1,000.00 bagi setiap hari selama kemungkiran itu berterusan
S10(2)	Gagal serah Daftar UMA-3 selewat-lewatnya 31 Mac tahun berikutnya dan gagal membayar WTD kepada Pendaftar	
S10A(1)	Gagal serah daftar UMA-3 untuk diwartakan	Denda tidak lebih RM5,000.00 atau 3 bulan penjara atau kedua-duanya sekali, dan tambahan tidak lebih RM1,000.00 bagi setiap hari selama kemungkiran itu berterusan.
S12(4)	Sekiranya syarikat/firma atau pegawai <ul style="list-style-type: none"> - Enggan atau mengelak atau menghalang dari menunjukkan dokumen; - Gagal membetulkan kesilapan yang dibangkitkan oleh Pendaftar atau menghalang atau menyekat Pendaftar atau pegawai yang diberi kuasa untuk menjalankan pemeriksaan 	



Seksyen 16 Akta WTD 1965 menjelaskan bahawa Pendaftar boleh mengenakan kompaun ke atas kesalahan dilakukan pada amaun tidak melebihi 50% dari denda maksimum bagi kesalahan tersebut dan tindakan pendakwaan tidak akan diambil bagi sesiapa yang membayar kompaun berkenaan